



PERBADANAN SUKAN SARAWAK

NOTIS TENDER


1. TENDER adalah dipelawa daripada Kontraktor / Pembekal yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kategori dan Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

No. Rujukan Tender	Tajuk Tender	Kategori, Kepala & Sub-Kepala	Yuran Dokumen (RM)	Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Tender	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Tender
T/SSC/26/2022	PERKHIDMATAN PENYEWAAN, PEMASANGAN, PENGUJIAN, PENTAULIAHAN DAN PENYELENGGARAAN BAGI 28 MESIN PENYALIN (PELBAGAI FUNGSI) DAN BACAAN METER UNTUK KEGUNAAN IBU PEJABAT, ZON SELATAN, ZON TENGAH DAN ZON UTARA, PERBADANAN SUKAN SARAWAK BAGI TEMPOH 36 BULAN	UPKJ (BEKALAN & PERKHIDMATAN) (TERBUKA) Kategori A atau B Kepala IV Sub-Kepala 3	DIBAYAR DALAM BENTUK BANK DERAF / TUNAI ATAS NAMA "PERBADANAN SUKAN SARAWAK" RM 100.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)	18 Oktober 2022 hingga 31 Oktober 2022 ISNIN – KHAMIS: 9.00AM – 12.00PM 2.00PM – 4.00PM JUMAAT: 9.00 AM – 11.00AM 2.30PM – 4.00PM	01 November 2022 sebelum 12.00 Tengahari
MAKLUMAT MENGENAI NOTIS TENDER BOLEH DIPEROLEHI DI LAMAN WEB RASMI PERBADANAN SUKAN SARAWAK www.ssc16.gov.my					

2. Dokumen TENDER hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan) dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (jika berkenaan) sebelum dokumen TENDER dijual kepada kontraktor / pembekal yang layak.
3. Bayaran Yuran Dokumen TENDER hendaklah dibuat dalam bentuk **DERAF BANK/TUNAI** yang dibayar ke atas nama **Perbadanan Sukan Sarawak** dan pembayaran boleh dibuat di **Unit Akaun, Aras Bawah, Pusat Akuatik, Pandalela Rinong, Jalan Stadium, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.**
4. Dokumen Tender boleh diperolehi mulai **18 Oktober 2022 hingga 31 Oktober 2022** pada waktu pejabat di alamat **Unit Akaun, Aras Bawah, Pusat Akuatik, Pandalela Rinong, Jalan Stadium, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.**
5. Petender adalah dikehendaki untuk mengemukakan dokumen tender lebih awal dari tarikh dan masa tutup yang ditetapkan untuk mengelakkan kesukaran dan kesulitan semasa berurusan untuk mengemukakan dokumen tender pada hari tender ditutup.
6. Ini adalah berikutan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi oleh pelawat sebelum memasuki premis kerajaan dan bagi memastikan petender sebelum tarikh dan masa tutup tender.
7. Perbadanan Sukan Sarawak tidak akan bertanggungjawab sekiranya petender lewat untuk mengemukakan dokumen tender pada masa dan tarikh yang ditetapkan disebabkan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi sebelum memasuki premis kerajaan.
8. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **(NO. RUJUKAN TENDER: T/SSC/26/2022)** dan **PERKHIDMATAN SEWAAN 28 MESIN PENYALIN (PELBAGAI FUNGSI) DAN BACAAN METER UNTUK KEGUNAAN IBU PEJABAT, ZON SELATAN, ZON TENGAH DAN ZON UTARA, PERBADANAN SUKAN SARAWAK BAGI TEMPOH 36 BULAN.**
9. Dokumen TENDER hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah:-

Pengerusi
c/o Jawatankuasa TENDER
Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Tingkat 2, Stadium Sarawak
Jalan Stadium, Petra Jaya
93050, Kuching, Sarawak

10. Dokumen TENDER yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
11. Perbadanan Sukan Sarawak tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.


SHAMSUDIN BIN MOHAMAD ALI
b.p Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Sukan Sarawak